

Kes sporadik naik bukti masyarakat abai SOP

Oleh Ahmad Subael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan kes positif COVID-19 yang tidak diketahui punca sejak awal tahun ini, menunjukkan tahap pengabaian prosedur operasi standard (SOP) dalam kalangan masyarakat semakin membimbangkan.

Pakar kesihatan juga berpandangan pertambahan jangkitan sporadik itu mungkin kerana

ada kelemahan dalam siasatan kes oleh Kementerian Kesihatan (KKM). Ini termasuk pengesanan kontak tidak sempurna, kajian epidemiologi tidak lengkap dan komuniti berisiko tidak atau lambat diuji.

Kes Sporadik adalah kes seseorang individu itu tidak mempunyai sejarah perjalanan dan tidak ada berhubung dengan kontak rapat COVID-19, tetapi disahkan positif COVID-19.

Pakar epidemiologi Univer-

siti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata pola pengabaian SOP itu boleh dilihat setiap kali kerajaan mengumumkan kelonggaran peraturan, dengan yang terbaharu pada awal bulan lalu.

Bagaimanapun, beliau yakin langkah terbaik mengatasi peningkatan kes sporadik itu adalah dengan mempercepat pemberian vaksin COVID-19.

"Kerajaan perlu memberi tum-

puan terhadap usaha vaksinasi. Langkah terbaik adalah berikan terus vaksin kepada mereka yang melepasi ujian saringan bersasar ketika ini.

"Sekiranya ujian saringan mendapati negatif COVID-19 dan kemudian bergerak dalam masyarakat, mereka akan kembali terdedah kepada virus yang sudah tersebar dalam komuniti," katanya kepada BH.

Nasional 8

6 faktor punca peningkatan kes sporadik COVID-19

Dari Muka 1

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dilaporkan berkata, kira-kira 60 peratus daripada keseluruhan kes COVID-19 yang dikesan antara Januari lalu hingga 25 April lalu, tiada kaitan epidemiologi atau tidak diketahui puncanya.

Di samping memvaksin golongan berisiko, Dr Malina berkata, kerajaan juga perlu memberi imunisasi COVID-19 kepada individu yang kerap bergerak akibat tuntutan tugas kerana mereka lebih berisiko menularkan virus itu.

"Saya bersetuju bila ada yang mencadangkan petugas media divaksin awal kerana mereka antara yang sentiasa bergerak.

"Di samping memberi suntikan individu berisiko tinggi seperti warga emas, kita juga kena melindungi mereka yang berpotensi menularkan virus dalam masyarakat disebabkan aktif bergerak," katanya.

Mengulas pengabaian SOP oleh masyarakat, beliau berpandangan, orang ramai kini memandang mudah pematuhan SOP selepas kerajaan mengumumkan pertukaran status Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan awal bulan lalu.

Katanya, pengabaian SOP dalam kalangan masyarakat menyebabkan jangkitan COVID-19 dalam komuniti lebih mudah berlaku dan sukar dikesan kerana individu dijangkiti tidak tahu lokasi ia berkemungkinan berlaku akibat terbiasa melanggar atau mengambil ringan SOP.

"Setiap kali peraturan dilonggarkan, pasti akan ada peningkatan kes seperti sekitar Ogos tahun lalu ketika Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

"Hujung tahun lalu, kebenaran rentas negeri dibenarkan dan jumlah kes melonjak.

"Terkini, kerajaan umum pertukaran PKP ke PKPB dan PKPP, dan kes kembali meningkat sekali lagi," katanya.

Sementara itu, pakar kesihatan awam, Prof Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman menggariskan enam faktor menjadi punca peningkatan kes sporadik COVID-19 yang tidak diketahui puncanya, hingga menjadi penyumbang utama lonjakan kes harian bagi empat bulan pertama tahun ini.

Katanya, pertambahan jangkitan sporadik itu mungkin kerana ada kelemahan dalam siasatan kes oleh KKM.

Beliau yang juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) berkata, kelemahan siasatan kes termasuk pengesanan kontak tidak sem-

Di samping beri suntikan individu berisiko tinggi seperti warga emas, kita juga kenaindungi mereka berpotensi menularkan virus dalam masyarakat disebabkan aktif bergerak

Dr Malina Osman,
Pakar epidemiologi
UPM



Ramai yang dijangkiti, tetapi tidak tahu atau tidak sedar mereka dijangkiti, yang akhirnya jadi punca jangkitan kepada orang lain

Dr Lokman Hakim
Sulaiman,
Pakar kesihatan
awam



purna, kajian epidemiologi tidak lengkap dan komuniti berisiko tidak atau lambat disiasat serta diuji.

Selain itu, katanya, ia mungkin berpunca daripada siasatan tidak lengkap atau lambat kerana kekurangan kakitangan, atau terdapat kelemahan dalam sistem maklumat kes untuk tujuan siasatan kes dan epidemiologi.

"Ramai yang dijangkiti, tetapi tidak tahu atau tidak sedar mereka dijangkiti, yang akhirnya menjadi punca jangkitan kepada orang lain.

"Apabila tidak tahu dijangkiti, mereka akan bebas bergerak ke mana-mana di dalam negeri, yang membuka ruang untuk mereka menjangkiti orang lain.

"Ramai tak tahu mereka dijangkiti kerana tidak diuji. Bilangan ujian mungkin banyak, tetapi tidak mencukupi atau menepati sasaran, atau ia sukar diperolehi kerana isu kos serta logistik.

"Ketidakpatuhan orang ramai terhadap SOP juga turut menyumbang," katanya.

Dr Lokman Hakim menyifatkan lonjakan jangkitan sporadik itu amat bahaya jika langkah mengatasi kelemahan dalam siasatan kes tidak diatasi segera.

"Macam kita sedang berpeperang. Kita tak tahu di mana musuh berada, tetapi ramai dari-

pada kita kena tembak. Kalau tak tahu lokasi musuh, macam mana nak hapuskan mereka," katanya.

Berhubung tiga negeri dengan penduduk berkepadatan tinggi iaitu Selangor, Kuala Lumpur dan Johor yang mencatatkan kes sporadik tertinggi, Dr Lokman Hakim berkata, siasatan kes sempurna akan memastikan semua kontak yang sepatutnya dikesan dan diuji, akan diketahui.

"Siasatan secara sempurna akan pastikan ujian menyeluruh komuniti perlu dilakukan atau tidak, sekali gus tidak terhad kepada kontak rapat sahaja kerana prinsip utama kawalan ialah kesan semua kes yang dijangkiti, termasuk tidak bergejala dengan cepat dan asingkan mereka segera," katanya.

Sehubungan itu, felo Akademi Perubatan Malaysia itu menyarankan KKM segera memperbaiki kualiti siasatan kes dan epidemiologi, termasuk menambah keupayaan sumber, serta memperkemas pengurusan kes, kontak dan komuniti berisiko.

Beliau berkata, KKM juga perlu mempertingkatkan akses kepada diagnosis, selain memperkemas komunikasi risiko kerana masih ada yang menetap di kawasan panas tidak faham kenapa SOP diwujudkan dan perlu dipatuhi.